



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 22 JUN 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **21 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **8,177 kes** (95.2 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 22 Jun 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **15 kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **8,587 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 289 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan daripada kes baharu yang dilaporkan, dua (2) kes adalah kes import yang mendapat **jangkitan di luar negara** di mana mereka adalah warganegara Malaysia. **Tiada kes penularan di dalam negara di kalangan warganegara.** Kesemua 13 kes **penularan di dalam negara** adalah di kalangan bukan warganegara.

Perincian kes jangkitan dalam negara (13 kes) di kalangan **bukan warganegara** adalah seperti berikut:

- Selangor: satu (1) kes saringan pra pembedahan di Hospital Selayang;
- Negeri Sembilan: 12 kes daripada Kluster Pedas. Status terkini kluster ini akan diperincikan di bawah;

Sehingga kini, sebanyak dua (2) kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Tiada kes yang memerlukan bantuan pernafasan.

Adalah dimaklumkan bahawa **tiada** pertambahan kes kematian berkaitan COVID-19 dilaporkan pada hari ini. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah kekal sebanyak **121 kes** (1.41 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KLUSTER PEDAS

Sehingga 22 Jun 2020 jam 12 tengah hari, sebanyak 316 kes positif telah dilaporkan di kluster ini daripada jumlah 957

saringan (iaitu 844 kontak di tempat kerja dan 113 ahli keluarga). Kes-kes positif kluster ini melibatkan 14 kes di kalangan warga Malaysia dan 302 kes bukan warganegara iaitu:

- 163 kes warga Nepal;
- 67 kes warga Bangladesh;
- 35 kes warga Myanmar;
- 31 kes warga Indonesia;
- 4 kes warga India;
- 1 kes warga Vietnam; dan
- 1 kes warga Kemboja.

Mengimbas kembali, kluster ini telah bermula di kalangan pekerja warganegara Malaysia dan kemudiannya berjangkit serta menular di kalangan pekerja bukan warganegara. Seperti yang dimaklumkan sebelum ini, situasi tempat kediaman yang sesak dan sempit bagi golongan bukan warganegara sememangnya merupakan faktor utama penularan di kalangan mereka. Susulan itu, pekerja yang terlibat dalam kluster ini telahpun diasingkan di pusat kuarantin. Mereka adalah terasing daripada masyarakat dan tidak memberi risiko kepada umum.

Ingin dimaklumkan bahawa kes-kes positif baharu kluster ini (12 kes) telah dikesan hasil daripada saringan COVID-19 yang kelima dalam tempoh mereka di pusat kuarantin.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

Walaupun semakin banyak kawasan di Negara ini bertukar menjadi zon hijau dan zon kuning, namun KKM ingin mengingatkan masyarakat bahawa kes COVID-19 masih berada dalam kalangan komuniti kita. Justeru, aktiviti-aktiviti surveilans di komuniti akan diteruskan untuk mengesan kes-kes COVID-19.

Masyarakat diseru supaya mengamalkan kawalan sendiri dan tanggungjawab sosial pada setiap masa. Orang ramai juga diminta sentiasa berwaspada dan mengamalkan langkah-langkah pencegahan jangkitan COVID-19 tidak kira di mana anda berada. Terus amalkan nasihat-nasihat kesihatan yang disarankan oleh KKM iaitu:

- **Elakkan 3S / 3C:** iaitu elakkan kawasan yang **sesak** (*Crowded place*), elakkan kawasan yang **sempit** (*Confined space*) dan elak sembang atau bertutur dengan jarak yang **dekat** (*Close conversation*).
- **Amalkan 3W:** iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (*Wash*), sangat digalakkan memakai alat pelitup separuh muka (penutup hidung dan mulut - *face mask*) di tempat awam atau jika bergejala (*Wear*), dan (*Warn*) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elak bersalaman / bersentuhan;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;
 - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;

- Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
- Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Selain itu, ingatlah kepada S.O.P, iaitu:

- **S:** Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah PKPB;
- **O:** Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P:** Penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

22 Jun 2020 @ 5.00 petang

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 22 JUN 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	18
KEDAH	0	96
PULAU PINANG	0	121
PERAK	0	258
SELANGOR	2 (1)	2,027
NEGERI SEMBILAN	12	1,014
MELAKA	0	256
JOHOR	1 (1)	688
PAHANG	0	365
TERENGGANU	0	111
KELANTAN	0	156
SABAH	0	364
SARAWAK	0	569
W.P. KUALA LUMPUR	0	2,430
W.P. PUTRAJAYA	0	97
W.P. LABUAN	0	17
JUMLAH KESELURUHAN	15 (2)	8,587

*() adalah merujuk kepada kes-kes import